



## LAWATAN SAMBIL BELAJAR PEGAWAI AUDIT DARI THE ROYAL AUDIT AUTHORITY (RAA) OF BHUTAN

### 1. Pendahuluan

Jabatan Audit Negara telah menerima lawatan sambil belajar delegasi dari The Royal Audit Authority of Bhutan pada 28 Februari 2017 hingga 03 Mac 2017. Delegasi ini diketuai oleh Mr. Chandra Bdr Gurung, Penolong Ketua Audit Negara RAA Bhutan dan 3 orang pegawai iaitu Mr. Namgay Dorjee (Jurutera Projek) Mr. Singye Dorji (Pegawai Audit) dan Mr. Pema Wangchuk (Penolong Pegawai Audit).

### 2. Tujuan Lawatan

Lawatan ini bertujuan untuk bertukar pandangan dan pengalaman berhubung pengurusan pentadbiran dan kewangan di Akademi Audit Negara untuk dijadikan panduan ke arah penubuhan Akademi Latihan Institusi Audit Bhutan.

### 3. Program Lawatan Rasmi

#### 3.1 Sesi Penerangan Dan Lawatan Fizikal

Program lawatan rasmi ini dimulakan pada 01 Mac 2017 di Akademi Audit Negara. Sesi ini telah dimulai sesi pengenalan pegawai kanan dari Akademi Audit Negara dan Bahagian Penyelidikan Korporat dan Hubungan Antarabangsa (BPKHA) oleh YBrs. Dr. Masiah binti Ahmad, Pengarah Akademi Audit Negara. Seterusnya sesi pengenalan pegawai delegasi SAI Bhutan yang diketuai oleh Mr. Chandra Bdr Gurung.



Sesi Pengenalan Pegawai AAN, BPKHA Dan Delegasi SAI Bhutan

SAI Bhutan telah memulakan dengan penerangan mengenai status pembangunan Institusi Audit Bhutan yang merangkumi struktur projek, pembinaan bangunan pentadbiran, asrama, kuarters, kawasan rekreasi dan kemudahan jalan. Sesi penerangan ini telah disampaikan oleh Mr. Namgay Dorjee selaku Jurutera Projek di SAI Bhutan. Sesi ini diteruskan dengan sesi lawatan fizikal di persekitaran Akademi Audit Negara untuk memberi gambaran jelas mengenai kemudahan yang disediakan.



Sesi penerangan perkembangan projek pembinaan Akademik Audit SAI Bhutan oleh Mr. Namgye Dorjee Jurutera Projek



Sesi Lawatan SAI Bhutan ke Auditorium Tan Sri Ahmad Noordin yang diberikan penerangan oleh YBrs Dr. Masiah, Pengarah Akademi Audit Negara



Sesi Lawatan SAI Bhutan ke Perpustakaan Akademi Audit Negara



Gambar berkumpulan delegasi SAI Bhutan Royal Audit Authority bersama pegawai AAN dan pegawai BPKHA

Seterusnya program disambung semula pada 02 Mac 2017 dengan sesi penerangan yang disampaikan oleh YBrs. Dr. Masiah binti Ahmad Pengarah Akademi Audit Negara mengenai latar belakang penubuhan AAN, kemudahan fasiliti AAN, Bajet, kadar yuran, pengurusan asrama, penyenggaraan dan perkhidmatan kawalan keselamatan.

Sesi penerangan seterusnya telah disampaikan oleh Encik Khaidir bin Lolot, Timbalan Pengarah Akademi Audit Negara mengenai program latihan yang meliputi Seksyen Akademik Perakaunan, Pengauditan, ICT dan Pengurusan. Beliau juga ada menerangkan penglibatan dan hubungan AAN dengan pihak antarabangsa. Sesi seterusnya beliau juga menjelaskan mengenai kadar yuran yang ditetapkan bagi peserta yang mengikuti kursus di AAN.



YBrs. Dr. Masiah, Pengarah AAN menyampaikan cenderamata kepada Delegasi SAI Bhutan



Tuan Hj. Roslan bin Abu Bakar, Pengarah BPKHA menyampaikan cenderamata kepada Delegasi SAI Bhutan

### 3.2 Lawatan Sosial

Bagi program lawatan sosial Delegasi SAI Bhutan telah dibawa melawat ke sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur. Program ini telah dibawa oleh 2 pegawai Urusetia Hubungan Antarabangsa iaitu Pn. Suraya binti Adnan, Penolong Pengarah Audit (Hubungan Antarabangsa) dan En. Badiuzzaman bin Mohd Pakir Penolong Juruaudit (Hubungan Antarabangsa). Delegasi SAI Bhutan telah dibawa melawat ke Masjid Putra, Perdana Putra, Jabatan Audit Negara, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Menara Berkembar Petronas, Pasar Seni dan pusat membeli-belah Sunway Pyramid. Semasa program berkenaan delegasi SAI Bhutan telah diberi penerangan ringkas mengenai penubuhan Putrajaya dan kegiatan sosial, ekonomi dan budaya Malaysia



Sesi Lawatan Delegasi SAI Bhutan ke Dataran Putrajaya yang merangkumi Masjid Putrajaya dan Jabatan Perdana Menteri



Sesi Lawatan Delegasi SAI Bhutan ke Jabatan Audit Negara



Sesi Lawatan Delegasi SAI Bhutan ke Menara Berkembar Petronas



Delegasi SAI Bhutan diberi peluang merasai keenakan dan kelazatan makanan Malaysia

#### 4. Kesimpulan

Semoga hasil daripada pertemuan ini delegasi SAI Bhutan akan dapat memperolehi pengalaman dan mempelajari kaedah pengurusan AAN kearah penubuhan Akademi Audit SAI Bhutan.

**SAI Malaysia**

**Mac 2017**